



NOTA PANDUAN

PROSEDUR PELAKSANAAN PENGUJIAN CEMS/ PEMS (CEMS/PEMS AUDIT)

1. Pelaksanaan pengujian (*audit*) bagi sistem *Continuous Emission Monitoring System (CEMS)* dan *Predictive Emission Monitoring System (PEMS)* hendaklah dijalankan oleh penguji (*tester*) CEMS/PEMS yang telah berdaftar dengan JAS;
2. Pihak premis hendaklah memaklumkan kepada JAS secara bertulis mengenai perancangan untuk menjalankan pengujian (*audit*) CEMS/PEMS sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh untuk kerja – kerja di atas dengan kalibrasi CEMS tersebut dijalankan bagi tujuan lawatan verifikasi oleh pegawai JAS (sekiranya perlu);
3. Pelaksanaan pengujian (*audit*) bagi sistem *Continuous Emission Monitoring System (CEMS)* dan *Predictive Emission Monitoring System (PEMS)* hendaklah dijalankan berdasarkan garis panduan atau tatacara yang dipraktikkan oleh Jabatan Alam Sekitar;
4. Pengujian CEMS (*CEMS Audit*) hendaklah memenuhi keperluan seperti yang dinyatakan di dalam dokumen panduan terbitan JAS iaitu *Guidelines For The Installation Of Continuous Emission Monitoring Systems (CEMS) For Industrial Premises/ Facilities, Version 7.0, June 2019*;
5. Pengujian CEMS (*CEMS Audit*) menggunakan prosedur USEPA seperti yang dinyatakan dalam *Guidelines For The Installation Of Continuous Emission Monitoring Systems (CEMS) For Industrial Premises/ Facilities, Version 6.0* hanya dibenarkan bagi premis yang telah mempunyai ikatan kontrak (*binding contract*) bersama dengan penguji/ pembekal CEMS untuk menjalankan pengujian (*audit CEMS*) sehingga satu tempoh masa yang telah ditetapkan dalam dokumen kontrak. Pihak premis perlu mengemukakan salinan

kenyataan kontrak bagi perkara yang berkenaan dan *grace period* bagi pelaksanaan prosedur lama ini adalah sehingga 30 Jun 2020 sahaja;

6. Pengujian *PEMS (PEMS Audit)* hendaklah dilaksanakan berdasarkan prosedur terbitan *USEPA*, seperti yang telah diperakui dan diterima pakai oleh Jabatan Alam Sekitar buat masa ini;
7. Tiga (3) salinan keras (*hardcopy*) laporan pengujian (*audit*) dan berwarna hendaklah dikemukakan kepada :

Pengarah Bahagian Udara
Jabatan Alam Sekitar
Aras 1-4, Podium 3, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 Putrajaya
(u.p. : Urusetia Jawatankuasa Teknikal CEMS/PEMS)

8. Penilaian laporan pengujian (*audit*) *CEMS/PEMS* adalah juga termasuk (sekiranya dirasakan perlu) sesi temuduga dan pembentangan oleh penguji *CEMS (CEMS Tester)* dan wakil premis kepada ahli panel Jawatankuasa Khas Penilaian Permohonan Pemasangan *CEMS/PEMS*;
9. Jabatan ini berhak untuk menolak atau menerima satu-satu laporan pengujian (*audit*) *CEMS/PEMS* berdasarkan penilaian ahli panel Jawatankuasa Khas Penilaian Permohonan Pemasangan *CEMS/PEMS*

Disediakan oleh :

**Urusetia Jawatankuasa Teknikal CEMS/PEMS
Jabatan Alam Sekitar
17 Februari 2020**